

BERITA HARI INI

MEDIA : WilayahKu

TARIKH : 18 – 24 Jun 2021

HARI : Jumaat - Khamis

RUANGAN : Rencana

TAJUK : Penukaran kepada hak milik strata, selesaikan hak milik lama bangunan

Penukaran kepada hak milik strata, selesaikan hak milik lama bangunan

MUKADIMAH
HAK milik pecahan (subsidiari) adalah suratan hak milik geran lama yang melambangkan pemilikan individu dikeluarkan kepada mana-mana petak dalam sebuah bangunan bertingkat yang telah dipecahbagi berdasarkan peruntukan dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 [Akta 56]. Geran lama ini dikeluarkan sebelum Akta Hak milik Strata (AHS) 1985 [Akta 318] mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1985.

PENGENALAN
Hak milik subsidiari didaftarkan bawah Seksyen 151-157, 161-163 dan 355-374 KTN, di mana seksyen berkenaan telah dimansuh daripada peruntukan KTN apabila Akta 318 berkuat kuasa. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) adalah negeri paling banyak mempunyai hak milik subsidiari berdaftar iaitu sebanyak 62 skim perumahan dan komersil merangkumi 1,327 petak hakmilik. Kesemua skim ini terletak di Bandar Kuala Lumpur.

INISIATIF KERAJAAN
Sebelum ini, hak milik subsidiari

ini bersifat manual. Justeru, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP) telah mengambil inisiatif dan melaksanakan penukaran hak milik subsidiari ini kepada hak milik strata bersifat elektronik.

Melalui peruntukan Seksyen 82, Akta Hak milik Strata membolehkan hak milik subsidiari ditukar kepada hak milik strata melalui kaedah-kaedah pengubahsuaian oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana difikirkan perlu.

Sehubungan itu, Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, **Datuk Muhammad Yasir Yahya** menjelaskan, Kaedah Hak milik Strata (Penukaran Hak milik Subsidiari kepada Hak milik Strata) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2020 dikeluarkan melalui Warta Kerajaan Persekutuan P.U. (A) 183 pada 11 Jun 2020 yang ditandatangani oleh Perdana Menteri selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap tanah di Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, proses

penukaran hakmilik manual subsidiari kepada hak milik strata berkomputer (Jadual Keenam AHS) di PPTG WP telah didaftarkan secara berperingkat mulai Oktober 2020 hingga selesai penghujung Disember 2020

melalui sistem e-Tanah. Pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Wilayah Persekutuan turut memberi kerjasama dan berperanan mengemaskini semua pelan akui hak milik sedia ada bagi mematuhi kehendak AHS melalui pelaksanaan anotasi.

"PPTG WP yakin dengan penukaran hak milik pecahan atau subsidiari kepada hak milik strata ini akan memberi impak positif kepada semua 1,327 pemilik hak milik terlibat, dan terus responsif memberi perkhidmatan selari keperluan semasa," ujarnya.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan penukaran hak milik subsidiari atau pecahan di WPKL ini, bolehlah hadir ke Bahagian Strata, PPTG WP atau ajukan melalui email: tanah@lta@ptgwp.gov.my.



MUHAMMAD YASIR

The infographic titled 'HAK MILIK PECAHAN / SUBSIDIARI -> HAK MILIK STRATA' outlines the process in two columns: 'Hak Milik Subsidiari (Manual)' and 'Hak Milik Strata (Elektronik)'. It lists steps such as 'Mendapatkan dan mengemaskini semua pelan akui hak milik' and 'Mendapatkan dan mengemaskini semua pelan akui hak milik'. Below the infographic are two document examples: a 'HAK MILIK PECAHAN' (old manual title) and a 'HAK MILIK STRATA' (new electronic title). A red 'CONTOH' stamp is placed over both documents.

CONTOH Hak milik Subsidiari (kanan) yang telah ditukar kepada Hak milik Strata (Kiri) bersifat elektronik.